

11/06/2000

Proton Waja penuhi pasaran antarabangsa

PELANCARAN kereta nasional terbaru, Proton Waja 1.6 dan 1.8 liter baru-baru ini, mencatat sejarah tersendiri bidang automotif negara kerana dibuat sepenuhnya jurutera tempatan. Ia tidak hanya menjadi kebanggaan rakyat tetapi turut meletakkan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) di landasan selesa untuk bersaing dalam industri automotif dunia.

Persoalannya, sejauh manakah ketahanan Waja dan Proton sendiri untuk mengikis tanggapan negatif seperti kereta mudah kemek, sistem tingkap automatik sering rosak selain masalah gegaran apabila dibawa laju? Apakah Waja sendiri sudah memadai untuk dijadikan sandaran buat Proton menghadapi era lebih mencabar terutamanya selepas pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2005 nanti? Wartawan Berita Minggu, Nurul Adlina Kamaludin menemui Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff, baru-baru ini bagi mendapatkan jawapannya.

Bagaimana timbul idea melahirkan Proton Waja?

Ini semua bermula pada 1996 apabila kita berbincang dengan kerajaan iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut memberi banyak pandangannya kepada kami. Ketika itu, kita sedar jika Proton hendak berkembang, ia perlu melalui perubahan iaitu menukar cara pembuatan kereta itu sendiri.

Kita tidak boleh lagi bergantung kepada orang sebaliknya cuba berdikari. Ini harus dilakukan dengan mempelajari semua aspek penting, terutama soal reka bentuk kereta selain meningkatkan kemudahan berkaitan. Alhamdulillah, kami mendapat lampu hijau daripada kerajaan yang menjadi dorongan utama. Cabaran seterusnya adalah bagaimana projek ini akan dimulakan kerana kita tidak memiliki pengalaman dalam soal ini dan perlu mendapat bantuan. Oleh itu selain mempertingkatkan kemudahan sedia ada terutama dalam bidang penyelidikan, jurutera kita perlu dilatih secukupnya.

Ini kerana untuk mewujudkan kereta 100 peratus buatan Malaysia, asasnya adalah memantapkan aspek kejuruteraan dan inilah menjadi tumpuan utama kita selain melaksanakan strategi lain.

Apakah strategi yang dilaksanakan?

Bukan mudah untuk mewujudkan kereta yang seratus peratus buatan Malaysia kerana Proton sendiri masih baru di bidang ini berbanding syarikat gergasi pembuatan kereta asing. Kita tahu asasnya adalah aspek kejuruteraan dan jurutera penyelidikan Proton perlu didedahkan kepada pengetahuan ini. Kita masih perlu bergantung kepada orang lain dan ini pula harus dilakukan dalam masa pendek. Jika meminta bantuan rakan asing daripada Perancis atau pun Jepun, ini pula memakan masa dan kos tinggi dan kita hanya dapat belajar sedikit saja. Sehubungan itu, kita memutuskan untuk membeli syarikat kejuruteraan kereta iaitu Lotus di United Kingdom. Dengan itu, kita berjaya menimba banyak pengalaman baru dan lebih mendalam untuk merekabentuk kereta.

Kita juga dapat memendekkan usaha itu daripada 10 tahun kepada hanya tiga tahun setengah. Selain itu, oleh kerana Proton tidak mempunyai peralatan kejuruteraan mencukupi bagi tujuan merekabentuk, sejumlah RM400 juta telah kita laburkan. Antara komponen yang disediakan termasuk Pembangunan Pusat Prototaip Termoden, Mesin Pembuatan Rekabentuk Berkomputer, Sistem Hentakan dan lain yang berkaitan. Malah Mesin Pembuatan Model Kereta Tanah Liat yang kita beli adalah yang terkini di rantau ini iaitu dalam tempoh 14 hari saja model kereta dapat disiapkan berbanding tiga hingga empat bulan sebelum ini.

Kita turut mengambil jurutera R&D yang baru kerana tidak cukup kakitangan dan mereka dihantar berlatih sambil bekerja di Lotus dan Mitsubishi Corp di Jepun. Mereka membuat dua kerja iaitu merekabentuk dan kejuruteraan sekali gus. Ini cabaran besar buat kita.

Adakah strategi itu menepati sasaran dan Tengku sendiri berpuas hati?

Ramai yang terkejut kerana kita berjaya menghasilkan Proton Waja yang bukan saja unik tetapi ciri-cirinya yang setanding kereta asing, hanya dalam tempoh tiga tahun setengah. Ada juga yang tidak percaya kerana kita bukan hasilkan kereta tetapi teknologinya juga. Oleh itu, bagi saya secara peribadi, kita bukan saja mencapai sasaran tetapi dalam tempoh yang di luar dugaan.

Malah, bukan saya untuk berasa bangga sebaliknya seluruh warga kerja Proton dan rakyat Malaysia sendiri harus berbangga kerana ini adalah teknologi dan kereta milik kita. Sekurang-kurangnya saya dan kakitangan Proton berjaya memberi balik kepada negara satu bahan yang tidak boleh dibeli. Bahan itu adalah kebolehan kejuruteraan di kalangan anak tempatan sendiri, iaitu sesuatu yang kita anggap mustahil untuk dilaksanakan sebelum ini.

Kita berbangga bukan kerana aspek fizikal semata-mata tetapi ilmu yang mereka miliki itu tidak akan hilang sebaliknya berterusan zaman berzaman dan diperturunkan pula. Fizikal boleh hilang tetapi bukan pengalaman dan ilmu. Apabila kita sudah memiliki ilmu ini, untuk melaksanakannya bagi menghasilkan model seterusnya (selepas Waja) akan menjadi lebih mudah.

Dari segi puas hati, ya mungkin kerana sekurang-kurangnya yang berada di depan mata kita adalah Proton Waja yang lahir hasil titik peluh dan tanpa kenal penat lelah anak muda kita yang berusia 25 tahun. Saya umpama bapa yang mengajar dan memberi pendapat kepada mereka. Saya mungkin memarahi dan menegur mereka tetapi itu untuk kebaikan bersama dan akhirnya berjaya membuah hasil. Saya memberi input dari segi idea dan pengalaman saya dalam perlumbaan rali sebelum ini dan semua kereta saya uji pandu sendiri.

Apakah mudah bagi kakitangan Proton sendiri berubah sikap dan menerima pembaharuan kerana sebelum ini kita hanya menerima tunjuk ajar daripada pihak lain?

Jika saya kata mudah, maka saya berbohong. Ia sukar apa lagi untuk melakukan semua ini dalam tempoh kurang empat tahun. Apa lagi dengan teknologi yang asing dan tidak pernah kita lakukan, sudah pasti susah. Tetapi ini saya anggap sebagai tekanan dan juga dorongan untuk lebih mahu menyiapkan projek ini.

Dan akhirnya, Waja lahir setelah sejumlah 1.7 juta jam masa dihabiskan. Ini kerana kami bukan semata-mata menghasilkan kereta tetapi suatu kenderaan yang menepati kehendak orang ramai, iaitu pelanggan. Mereka mahu kereta yang kukuh atau keras tapi ringan, dapat mengurangkan asap kotor, ada aspek keselamatan tetapi bentuknya mesti menawan.

Kita bukan hanya menghasilkan reka bentuk kereta tetapi enjin dan chasisnya saja mengambil masa beberapa tahun. Platform bawah kereta itu misalnya dihasilkan dalam tempoh dua tahun. Usaha ini bukan mudah dan untuk mengubah mind set anak muda juga bukan mudah tetapi kerana semangat Malaysia Boleh kita berjaya melakukannya.

Ini bermakna Waja bukan saja teknologi baru tetapi turut lahir daripada keluhan pelanggan terdahulu Proton yang berhadapan dengan pelbagai masalah dengan kereta ini?

Ya kerana masalah itu menjadikan kita lebih berusaha untuk mengenal pasti punca ia berlaku dan kita tidak mahu pelanggan yang juga rakyat tempatan, kecewa dengan Proton. Sedangkan jika dilihat bukanlah 100 peratus kesalahan itu di pihak kita kerana ada yang bertindak mengubah suai kenderaan sehingga memudaratkan sistem asal.

Tetapi, seperti saya katakan, kita cuba memuaskan semua pihak. Kerana

itulah penekanan dari segi keselamatan dititikberatkan, iaitu adanya beg udara dan kereta lebih keras, iaitu besinya setaraf kereta Jerman, Mercedes-Benz supaya ia lebih kukuh jika berlaku kemalangan. Kita tahu ada orang yang mengatakan kereta Proton terdahulu tidak kuat atau seperti tin Milo dan sebagainya dan ini kita terima sebagai satu teguran.

Dalam erti kata lain, Waja adalah tersendiri yang lahir setanding dengan model import tetapi acuan kita sendiri.

Pemesanan untuk Proton Waja akan mula diterima Ogos ini. Adakah Proton sendiri sudah bersedia? Bagaimana dengan soal pengedarannya yang proses perbincangan dengan USPD dan EON belum selesai?

Buat masa ini kita tidak tahu bagaimanakah permintaan untuk Waja. Saya berharap ia melebihi pengeluaran kita dan bukan sebaliknya kerana jika tidak, ia mendatangkan kerugian kerana wang yang dilaburkan banyak. Malah, kilang untuk menghasilkan Proton Waja menelan kos RM300 juta.

Ini yang saya khawatirkan kerana Proton hanya sebagai pengeluar dan pemasaran dilakukan pihak lain. Bukan mudah untuk menjangka pasaran kerana di luar sana, cita rasa pelanggan atau pembeli itu berbeza. Ada nak tengok reka bentuk menawan, enjin mantap dan harga turut memainkan peranan. Ini yang payah kerana anggaran permintaan tidak tepat. Aspek kejuruteraan kita tahu tetapi permintaan sukar ditentukan. Adakalanya penjualan boleh naik sehingga 100 peratus ada masanya turun. Tetapi saya yakin rakyat akan memberi sambutan kerana ini bukan saja kereta nasional tetapi Proton sendiri adalah syarikat milik rakyat negara ini.

(END)